

PERATURAN SUKAN PICKLEBALL
JABATAN LAUT MALAYSIA
KALI KE-11 2026

1. UNDANG-UNDANG

- 1.1. Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Peraturan AM dan Peraturan Pertandingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 1.2. Pertandingan dijalankan mengikut Undang-Undang Rasmi *USA Pickleball (USAP)* dan *Pickleball Malaysia*, segala keputusan adalah muktamad.

2. SYARAT PENYERTAAN

- 2.1. Acara yang dipertandingkan adalah **BEREGU LELAKI TERBUKA** dan **BEREGU WANITA TERBUKA**. Setiap wilayah boleh mendaftarkan satu (1) pasangan bagi setiap kategori.
- 2.2. Hanya pemain yang didaftarkan dalam senarai pemain sahaja yang dibenarkan untuk bermain.
- 2.3. Pertandingan adalah terbuka kepada semua kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Laut Malaysia sahaja.

3. SISTEM PERTANDINGAN

- 3.1. Kategori Beregu Lelaki dan Beregu Wanita akan dijalankan secara **Sistem Kumpulan (Liga Sepusingan / Round Robin)** di peringkat awal, diikuti dengan Sistem Kalah Mati (*Knock Out*) di peringkat seterusnya.
 - a) Bagi peringkat kumpulan, semua pasangan beregu akan diundi untuk dimasukkan ke dalam kumpulan-kumpulan yang ditetapkan (Contoh: Kumpulan A, B, C, D).

- b) Setiap pasangan dalam kumpulan yang sama akan bermain menentang satu sama lain secara liga sepusingan untuk mengumpul mata.
- c) Johan dan Naib Johan kumpulan sahaja akan layak mara ke peringkat suku akhir / separuh akhir yang akan dijalankan secara Sistem Kalah Mati.
- d) Cara penentuan kedudukan dalam kumpulan adalah berdasarkan jumlah mata kemenangan tertinggi. Sekiranya berlaku persamaan mata, kedudukan akan ditentukan mengikut susunan berikut:
 - i. Keputusan perlawanan terdahulu (Head-to-head).
 - ii. Perbezaan jumlah mata (Mata Menang tolak Mata Kalah).
 - iii. Cabutan undi.
- e) Semua pasukan dan pemain perlu mendaftarkan diri 30 minit sebelum pertandingan bermula.

4. PAKAIAN / PERALATAN

- 4.1. Pemain perlu memakai pakaian sukan yang sesuai (dilarang memakai baju berwarna kuning neon/hijau cerah yang menyerupai warna bola) dan wajib memakai kasut gelanggang (*court shoes*) yang bersesuaian.
- 4.2. Hanya pemukul (*paddle*) yang diiktiraf oleh *USAP* sahaja dibenarkan. Bola *pickleball* rasmi (Outdoor/Indoor) akan disediakan oleh pihak penganjur sepanjang kejohanan.

5. KIRAAN MATA

- 5.1. Sistem kiraan 11 mata mengikut format *Best of Three* (Sesiapa menang 2 set dahulu dikira pemenang). Pemenang mesti mendapat kelebihan sekurang-kurangnya 2 mata (*Deuce*) untuk memenangi set.

6. LARANGAN

- 6.1. Mana-mana pemain dilarang mengambil minuman keras dan sebarang barang terlarang sepanjang pertandingan ini berlangsung.
- 6.2. Mana-mana regu/pemain didapati melanggar peraturan menyebabkan acara pertandingan ini terganggu disebabkan oleh kekecohan, pergaduhan atau apa-apa perbuatan yang difikirkan salah dan mendatangkan sebarang kecederaan kepada pihak lawan atau sesiapa sahaja semasa pertandingan. Pihak penganjur berhak menggantung dan tidak membenarkan regu/pemain tersebut dari meneruskan permainan.

7. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 7.1. Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am, maka Peraturan Sukan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur. Keputusannya adalah muktamad.